

BAB KEDUA

TIJAUAN KAJIAN BERKAITAN

2.1 Pengenalan

Kemahiran membaca merupakan salah satu daripada empat kemahiran bahasa yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kemahiran ini adalah sebahagian daripada kemahiran-kemahiran asas; iaitu mendengar, bertutur dan menulis. Menerusi pembacaan, seseorang itu mampu menimba ilmu pengetahuan yang tidak dapat diperoleh melalui pengalaman biasa yang lain. Membaca dapat membantu memperluas pemikiran dan idea serta meningkatkan daya kreatif seseorang individu dalam pelbagai bidang.

Dalam subtopik yang diketengahkan dalam bab ini, penulis membicarakan tentang definisi serta pandangan Islam dan barat tentang kemahiran membaca, jenis-jenis bacaan serta hubungan kemahiran ini dengan tahap pemikiran dan strategi pemahaman pembaca. Dalam pada itu, diselitkan juga kajian-kajian berkaitan di peringkat antarabangsa amnya dan di Malaysia khususnya. Seterusnya di akhir bab ini diceritakan sedikit latar belakang BPG dan IPGM.

2.2 Definisi Membaca dan Penguasaan

2.2.1 Definisi Membaca

Jika diperhatikan di dalam Kamus Dewan Edisi Baru (1991), membaca berarti memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya.

Manakala di dalam Oxford Advanced Learner's Dictionary (1995) membaca diertikan;

“ to look at and be able to understand something written or printed: to say with one's voice or one's mind written words, to read something out, to get information about something, someone or event, ect.”

Dalam pada itu, Leslie (2001) menjelaskan maksud membaca adalah satu proses kognitif yang menekankan aspek pengecaman, membuat interpretasi dan persepsi terhadap bahan bercetak atau bertulis. Manakala menurut Goodman (1971) pula membaca adalah proses psikolinguistik yang bermula daripada pembaca mengamati perkataan yang terdapat di dalam teks yang dibaca sehinggalah terbentuknya makna berdasarkan pengamatan yang dilakukan.

Seterusnya membaca adalah merupakan proses berkomunikasi secara langsung antara pembaca dan bahan bacaan, dan secara tidak langsung dengan penulisnya (Safiah Osman: 1990).

Menurut ahli psikolinguistik kognitif pula, membaca adalah proses psikolinguistik yang berlaku apabila seseorang pembaca membentuk semula dalam pemikirannya makna

yang ingin disampaikan oleh seorang penulis melalui lambang-lambang bertulis yang dibaca (Kamarudin Hj. Husin, Siti Hajar Hj. Abdul Aziz: 19989),(Smith:1971).

Rushdiy Ahmad Tu'aymah (2006: 187) pula menyatakan, membaca merupakan interaksi pembaca dengan bahan bacaan menerusi deria penglihatan dan pembaca akan mentafsir dan merungkai simbol-simbol bacaan kepada mesej tertentu serta cuba memahami makna yang hendak disampaikan berdasarkan maklumat pembaca yang sedia ada.

Kesimpulannya, melalui pelbagai huraian yang telah dibuat, ternyata membaca bukanlah hanya merupakan proses mekanikal yang melibatkan tulisan huruf semata-mata. Ianya merupakan proses yang saling bertimbal balik di antara tulisan huruf dan seterusnya proses menterjemahkan penulisan serta proses permaknaan perkataan yang telah diterjemahkan tadi. Oleh itu membaca bukanlah satu proses yang mudah tetapi melibatkan satu siri proses yang kompleks.


2.2.2 Definisi Penguasaan

Menurut Kamus Dewan (DBP: 2005; 835), penguasaan bermaksud perihal menguasai atau menguasai, seperti dalam contoh berikut; (*Penguasaan bahasa sendiri sangat penting bagi seseorang penterjemah*). Apabila dirujuk kepada kata akar bagi perkataan ini iaitu *kuasa*, ia membawa maksud daya atau kemampuan (untuk melakukan atau mengerjakan sesuatu). Maka, perkataan penguasaan yang digunakan di sini adalah untuk menunjukkan perihal kemampuan untuk menguasai kemahiran membaca seterusnya memahami teks yang dibaca.

Seterusnya Awang Sariyan (1985: 153) telah menegaskan maksud penguasaan ialah penguasaan secara sistematis. Apa yang dimaksudkan dalam kajian di sini ialah penguasaan membaca berlandaskan proses-proses membaca secara sistematis seterusnya dapat meningkatkan kefahaman bahan yang dibaca.

2.3 Pandangan Ulama Islam Terhadap Membaca

Dalam memperkatakan pandangan mereka terhadap membaca, ulama terdahulu lebih memfokuskan kepada pentafsiran al-Quran. Menurut mereka membaca merupakan salah satu kemahiran bagi memperolehi sesuatu bahasa dan ilmu serta ianya merupakan suatu tuntutan di dalam agama Islam. Penegasan tentang kepentingannya telah dinyatakan dalam wahyu pertama yang diturunkan ke atas Rasulullah (s.a.w.) sejak seribu empat ratus tahun yang lalu. Firman Allah di dalam surah *al-'Alaq* (ayat 1-5):



Bermaksud:

1. Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Menciptakan,
2. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah.
3. Bacalah, dan Tuhanmulah yang Maha pemurah,
4. Yang mengajar (manusia) dengan perantaran kalam[1],
5. Dia mengajar kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.

[1] Maksudnya: Allah mengajar manusia dengan perantaraan tulis baca.

Di dalam surah ini, perkataan "اِقْرَأْ" *iqra'*, iaitu 'suruhan untuk membaca' telah diulang sebanyak dua kali. Ini menggambarkan kedudukan tinggi yang diberikan oleh Islam terhadap amalan membaca (Lafi: 2006). Bahkan, Islam telah meletakkan membaca sebagai syarat yang utama untuk manusia memperoleh ilmu pengetahuan (Ghazi: 1984).

Ayat pertama yang diturunkan mengandungi lafaz *amr* (perintah) yang menandakan kewajipan untuk membaca. Menurut Ibn Kathi:r (2002) kewajipan ini merupakan penanda aras kelebihan manusia daripada makhluk yang lain. Seterusnya beliau menyatakan dalam tafsirnya, " ilmu itu kadang-kadang berada dalam minda, kadang-kadang pada lidah dan pertuturan dan kadang-kadang dalam penulisan" (Ibn Kathi:r, 2002 : 407).

Dalam pada itu pula az-Zuhailiy (2005: 708) menyatakan bahawa Allah swt memerintahkan manusia mempelajari kemahiran membaca dan menulis. Antara kenyataannya; "Kedua-dua kemahiran ini adalah kaedah bagi mendalami ilmu-ilmu agama dan wahyu, keyakinan bagi menyampaikan ilmu kepada manusia serta asas kepada perkembangan ilmu, peradaban, kebudayaan dan ketamadunan".

Dalam Islam, membaca merupakan wasilah atau perantara untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Mana-mana perbincangan mengenai ilmu, dengan tidak secara langsung akan menyentuh mengenai kepentingan membaca. Oleh yang demikian, para ilmuan bahasa timur dan barat telah bersepakat dan menetapkan bahawa kemahiran membaca adalah kemahiran yang terpenting dalam aspek pembelajaran bahasa.

Pandangan al-Imam ar-Ra:ziy (544- 604 H) terhadap membaca pula lebih kepada bidang pendidikan (15:2000). Beliau menyatakan perkataan " اِقْرَأْ " *iqra'* yang pertama bermaksud pembelajaran dari malaikat Jibril manakala perkataan kedua membawa maksud pengajaran yang lebih kepada mengenali, memahami, bertindak balas dan kritis.

Al-'Alwa:niy (1996) berpendapat, membaca yang disarankan oleh Allah itu mengandungi dua bentuk makna bacaan iaitu bacaan dari tuhan (wahyu yang disampaikan) dan bacaan makhluk. Kedua-dua bentuk makna bacaan ini saling berkait antara satu sama lain. Beliau berpendapat bahawa perkaitan antara keduanya satu-satunya cara untuk menghindarkan umat islam dalam krisis pemikiran dan kemajuan.

Dalam pada itu, al-'Alwa:niy juga bersependapat dengan pemikiran dan pandangan Ibn Khaldu:n (1999: 1036-1038). Beliau membahagikan ilmu kepada ilmu naqli dan 'aqli. Kedua-dua bentuk ilmu ini saling berkait rapat dalam aspek pembacaan bagi lebih mengenali kekuasaan Allah.

Kesimpulan yang dapat diambil daripada perbincangan di atas, ulama moden lebih terbuka dari aspek pemahaman mereka terhadap aktiviti membaca dengan mengaitkan pembacaan yang lebih efektif merangkumi pelaksanaan ilmu dalam kehidupan manusia secara amnya. Berbanding dengan ulama dahulu hanya mengaitkan pembacaan untuk memperolehi ilmu semata-mata.

2.4 Teori Barat Berkaitan Proses Membaca

Barat telah melihat bahawa kemahiran membaca bukanlah kemahiran yang mudah untuk seseorang menguasai pengetahuan serta memahami apa yang dibaca. Lantaran daripada itu mereka telah menetapkan tiga teori membaca iaitu; bottom up reading, top-down reading dan interactive reading.

2.4.1 *Bottom Up Reading*

Teori Bottom up reading ini merupakan teori yang paling lama digunakan di barat dalam pembacaan. Ianya telah dipelopori oleh Jose pada tahun 1972 (Urquhart, S. & Weir, Cyril: 1998). Teori ini meliputi mekanisme yang berlaku dalam pemikiran pembaca ketika membaca. Ianya bermula apabila pembaca membaca huruf-huruf yang tertulis dan menggabungkannya kepada bentuk fonem yang tersusun. Seterusnya diberikan makna bagi perkataan yang terbentuk tanpa melihat kepada sudut nahunya dan pembaca akhirnya akan cuba menyebutnya dengan sebutan yang betul sambil cuba memahami makna konteks ayat (Habibullah: 1992, Urquhart, S. & Weir, Cyril: 1998). Dalam ertikata yang lain pembaca berhubung terus dengan teks yang dibaca tanpa ada unsur yang membantunya memahami sesuatu teks.

Teori ini menganggap pembaca melihat teks daripada unit yang terkecil iaitu huruf, perkataan, frasa dan memahami ayat. Pembaca akan menggerakkan mata dari kiri ke kanan untuk melihat setiap huruf, mengorganisasikan huruf kepada perkataan, perkataan kepada frasa, klausa dan ayat. Oleh itu, pembaca akan memproses kesemua huruf di dalam perkataan dan seterusnya ayat sebelum makna perkataan tersebut diperoleh melalui proses membaca yang bersifat linear. Teori ini sangat berguna dalam usaha

menghuraikan tabiat membaca bagi kebanyakan pembaca bahasa pertama dan kedua yang lemah. Golongan pembaca tersebut lebih memfokuskan tahap perkataan bagi teks daripada makna secara global.

Di samping itu, teori ini merujuk kepada proses membaca yang dianggap sebagai proses yang bersiri. Analisis visual huruf demi huruf, membawa kepada mengenal pasti secara positif setiap perkataan melalui pengekodan fonemik. Fonemik yang wujud di dalam teks tersebut dapat membantu pembaca untuk melakukan analisis yang akhirnya membantu pemahaman. Walaupun proses ini sesuai untuk proses membaca peringkat asas, wujud juga masalah untuk pembaca memahami teks akibat berhadapan dengan perkataan yang sukar diterjemahkan maknanya.

Sehubungan dengan itu, dalam pembelajaran bahasa, peraturan leksikal, sintaksis dan semantik diaplikasikan berdasarkan penghasilan fonemik yang telah dinyatakan dalam bentuk cetakan. Ini disebabkan tujuan utama membaca ialah menguasai kod atau prinsip abjad. Melalui bacaan, makna teks diharapkan hadir secara semula jadi berasaskan kepada pengetahuan lalu pembaca tentang perkataan, makna dan pola sintaksis bahasa tersebut. Teori ini juga menganggap menulis hanya untuk merekodkan pertuturan. Oleh itu, teks bertulis diorganisasikan secara berhierarki (grafonik, fonemik, suku kata, morfem, kata dan ayat). Ini melibatkan pembaca memproses unit linguistik yang terkecil dahulu dan beransur-ansur menyusun unit terkecil untuk memahami unit yang lebih besar atau binaan ayat (Yahya Othman: 2008).

2.4.2 *Top-Down Reading*

Teori ini telah diperkenalkan oleh Goodman dan Smith di akhir 60an dan awal 70an. Teori ini bertindak sebaliknya dari teori yang disebutkan di atas. Prosesnya bermula dari pemikiran pembaca atau maklumat sedia ada yang dimiliki. Dari maklumat-maklumat yang telah dimiliki seperti perbendaharaan, makna dan pengetahuan, pembaca akan cuba membuat ramalan serta andaian berdasarkan teks yang dibaca dan memahaminya (Habibullah: 1992, Sulaiman: 2003).

Sehubungan dengan itu, teori ini menekankan pembentukan hipotesis dan pembinaan makna. Menurut Goodman, proses membaca adalah permainan mengagak psikolinguistik (*psycholinguistic guessing game*) dengan pembaca terlibat dalam membentuk hipotesis, membuat input sample, menguji, membuat hipotesis semula jika perlu atau mengesahkan hipotesis dan membuat sample semula. Hipotesis boleh diuji dengan dua cara. Pertama, membandingkan klu dengan pengetahuan yang dimiliki pembaca berdasarkan topik, dan kedua, menghubungkannya dengan maklumat lalu yang telah diproses daripada teks. Jika hipotesis diterima, pembaca akan meneruskan bacaannya. Jika tidak, pembaca perlu menghipotesis semula dan menggunakan strategi membaca yang dianggap sesuai (Goodman: 1967)

Dalam pada itu, pembaca juga secara tekal membuat pengesahan terhadap setiap hipotesis yang dibuat. Jika hipotesis yang dibina itu tidak dapat disahkan, mereka akan membetulkannya sesuai dengan pengetahuan sedia ada pembaca. Pembaca yang efisien juga akan memenuhkan kekosongan yang terdapat dalam maklumat yang tidak wujud semasa hipotesis tersebut dibuat. Dari ketika mula membaca sehingga tamat, semua strategi yang digunakan seperti pemilihan sampel, hipotesis, mengesahkan atau tidak

mengesahkan hipotesis, pembetulan dan membuat kesimpulan, digunakan oleh pembaca secara konsisten. Oleh itu, ketika membincangkan proses membaca teks, pembaca akan menggunakan strategi yang sesuai untuk memahami serta membuat hipotesis untuk menjangka maklumat atau idea yang akan disampaikan oleh pengarang.

Peranan utama pembaca adalah mengawal keseluruhan maklumat visual dan bukan visual semasa membaca. Maklumat visual merujuk kepada bahan bercetak manakala maklumat bukan visual pula merujuk kepada pemahaman bahasa yang berkaitan dengan pengetahuan kandungan dan kebolehan membaca secara umum. Oleh yang demikian, apabila pembaca membaca teks, maksud dan jangkaan pembaca dapat membantu menghuraikan anggapan maklumat yang akan dibaca sama ada dalam bentuk visual atau bukan visual. Sementara kedua-dua jenis maklumat tersebut boleh saling bertukar ganti antara satu dengan lain.

Pembaca yang memiliki pengetahuan lalu akan kurang bergantung pada teks. Dengan membawa lebih banyak pengetahuan lalu ke dalam proses membaca, pembaca akan memperoleh jawapan kepada soalan dan jangkaan berkaitan teks. Jika soalan dan jangkaan dapat dijawab dengan memuaskan, pembaca dikatakan telah memahami teks.

Teori membaca ini juga menegaskan bahawa semasa membaca, pembaca membawa bersama-samanya sejumlah pengetahuan, jangkaan, andaian dan persoalan terhadap teks yang dibaca serta memberikan asas terhadap pemahaman perbendaharaan kata. Pembaca akan terus membaca selagi teks yang dibaca mengesahkan jangkaan yang dibuat sebelum membaca. Ia juga menyatakan bahawa pembaca memadankan teks ke dalam pengetahuan yang telah dimiliki dan kemudian memeriksa kembali apabila maklumat baharu atau yang tidak dijangkakan ditemui.

Dalam hal ini, memahami teks dikaitkan dengan pembaca membina makna sebaik yang mungkin daripada mesej yang dikodkan oleh penulis melalui grafik yang dipaparkan. Ketika mengaitkan membaca dengan proses psikolinguistik, Rigg (1986) pula menyatakan proses membaca bukanlah sekadar menukarkan huruf kepada bunyi dan menuturkan semula perkataan, tetapi melibatkan proses komunikasi secara tidak langsung antara penulis dengan pembaca. Oleh itu, komunikasi yang diwujudkan merupakan aktiviti membina makna berdasarkan teks yang dibaca.

Sehubungan itu, Goodman (1967) menghuraikan makna dibina melalui pemindahan maklumat antara pembaca dengan teks melalui interaksi skemata pembaca dan teks. Teori ini menegaskan bahawa makna tidak terdapat dalam teks. Oleh sebab makna wujud dalam diri penulis dan pembaca, dengan itu teks mempunyai potensi untuk membentuk makna. Walaupun makna terbina melalui pemindahan maklumat antara pembaca dan teks, makna yang dihasilkan bergantung pada ciri-ciri pembaca dan teks. Dalam hal ini, Goodman menegaskan semasa proses transaksi antara pembaca dengan kandungan teks dan penulis teks, sistem kiu bahasa dan strategi pengisian maklumat perlu diaktifkan. Sistem kiu dalam membaca meliputi sistem grafonik, sintaksis dan semantik. Grafonik adalah sistem bahasa penulisan yang berkaitan dengan sistem tulisan dan sistem bunyi. Manakala sistem sintaksis pula merangkumi tatabahasa bahasa tersebut dan sistem semantik merujuk kepada makna bahasa yang terkandung dalam sistem pragmatik bahasa tersebut.

Pembaca yang efisien tidak memberikan perhatian terhadap setiap huruf dan perkataan yang terkandung dalam teks. Sebaliknya, mereka menggabungkan contoh-contoh idea atau isi kandungan daripada teks dan membuat ramalan terhadap maklumat yang akan diperoleh. Walau bagaimanapun, dalam konteks proses membaca, teori ini juga

mempunyai kelemahan dan batasannya. Sebagai contoh, penekanan kepada satu teori dalam membuat ramalan semasa membaca boleh mengelirukan pembaca. Kajian menunjukkan bahawa, pembaca yang baik mendapat maklumat visual dengan tepat dan cepat sementara pembaca yang lemah membaca dengan menggunakan strategi membaca yang sesuai (Devine: 1993). Sementara itu, pembaca yang hanya bergantung pada jangkaan pengetahuan lalunya mungkin akan membina makna yang mempunyai hubungan yang minimum dengan makna yang disarankan oleh penulis atau pengarang. Keadaan ini akan mempengaruhi pemahaman teks yang dibaca (Campbell dan Malicky: 2002).

Dalam teori ini juga, menghuraikan beberapa perkara penting sebagai panduan semasa membaca. Antaranya ialah pembaca membawa makna ke dalam teks yang dibaca. Pembaca juga membaca dengan berpandukan makna yang terdapat di dalam teks. Dalam pada itu juga, makna teks wujud daripada aspek keseluruhan teks kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil seperti mengetahui maksud ayat dan kemudian meneliti rumus-rumus pembentukan ayat tersebut.

Oleh itu, matlamat membaca berdasarkan teori ini mementingkan pembinaan makna untuk menghasilkan tindak balas daripada teks (Abraham: 2000). Pembaca perlu membaca secara interaktif menggunakan unsur grafonik, sintaksis dan isyarat semantik untuk tujuan membina makna. Pembaca menggunakan hasil cetakan teks sebagai input dan makna teks sebagai hasil. Pembaca sebenarnya menetapkan input semasa berinteraksi dengan teks.

Kesimpulannya, semasa membaca teks, pembaca sering mengaplikasikan proses membaca menggunakan teori *Top-Down Reading* atau membaca atas ke bawah

terutamanya mereka yang efisien, Ini diperkuatkan lagi, apabila pembaca tersebut memiliki sejumlah pengetahuan yang berkaitan dengan teks yang dibaca (Yahya Othman: 2008).

2.4.3 *Interactive Reading*

Orang yang mempelopori teori ini ialah Rumelhart (1976). Beliau berpandangan, pembaca bukan hanya menggunakan teori Bottom up reading dan Top-down reading secara berasingan semasa membaca bahkan pembaca akan menggunakan keduanya dalam masa yang sama (Sulaiman: 2003, Urquhart, S. & Weir, Cyril: 1998). Dalam pada itu Rumelhart telah menyelitkan empat pengetahuan asas semasa proses pembacaan bentuk ini, iaitu; tatabahasa, semantik, leksikal dan penulisan (Urquhart, S. & Weir, Cyril: 1998, Samuels, S. J. & Kamil, M. L. 2000).

Menurut Rumelhart (1976), membaca adalah proses bercirikan persepsi dan kognitif yang dimulakan dengan pergerakan pola-pola di atas retina mata dan diakhiri dengan idea yang ditentukan oleh pengarang. Dalam hal ini, semua sumber pengetahuan sama ada sensor atau bukan sensor akan bergabung dalam proses membaca adalah hasil daripada penggabungan semua sumber pengetahuan tersebut.

Teori ini juga mengandaikan membaca sebagai proses yang aktif bagi membentuk makna melalui interaksi antara pembaca dengan teks. Berbeza dengan teori membaca atas ke bawah dan bawah ke atas, teori interaktif melihat proses membaca sebagai pola lingkaran dengan maklumat tekstual dan aktiviti mental pembaca wujud pada kedua-dua teori atas ke bawah dan bawah ke atas secara serentak. Proses interaktif berfungsi

apabila proses yang berlangsung mengalami masalah dan ini boleh digantikan dengan jenis proses yang satu lagi. Ini bermakna pembaca tidak hanya bergantung pada sesuatu proses membaca. Keadaan ini perlu agar tidak wujud masalah dalam memahami teks yang dibaca.

Tahap pemahaman teks dikaitkan dengan sejauhmana pemboleh ubah pembaca (tahap minat terhadap teks, tujuan membaca teks, pengetahuan tentang topik, kecekapan bahasa, kesedaran proses membaca, tahap kesanggupan menerima risiko dan sebagainya) saling berkaitan dengan pemboleh ubah teks (jenis teks, struktur, sintaksis, perbendaharaan kata dan sebagainya). Oleh itu, untuk membina makna, proses membaca berfungsi bersama-sama dengan tahap teks yang berbeza-beza.

Keberkesanan penggunaan teori ini bergantung pada latar belakang pembaca, tahap kefasihan membaca, motivasi, strategi yang digunakan dan kepercayaan budaya yang dianuti. Teori ini juga mencadangkan agar pembaca membina makna berdasarkan kuasa memilih maklumat daripada semua sumber yang bermakna (grafem, fonemik, morfem, sintaksis dan semantik). Pembaca pada masa yang sama menggunakan dan melalui semua peringkat proses membaca.

Selain itu, Rumelhart (1980) pula menegaskan bahawa pembaca yang mahir boleh menggunakan pancaindera, sintaksis, semantik dan maklumat pragmatik untuk menyempurnakan matlamat membacanya. Sumber maklumat yang pelbagai wujud untuk tujuan berinteraksi dalam pelbagai cara yang kompleks semasa proses membaca. Selain teori-teori membaca yang diuraikan di atas, terdapat juga teori-teori membaca yang dapat dijadikan rujukan dalam usaha untuk menginterpretasikan proses membaca (Yahya Othman: 2008).

Kesimpulan yang dapat diambil daripada perbincangan topik 2.3 dan 2.4 di atas, mengenai pandangan Islam dan barat tentang membaca, antaranya ialah :

- a) Islam menyatakan sumber ilmu semuanya daripada Allah, manakala barat lebih kepada teori-teori yang digunakan untuk mendapatkan ilmu.
- b) Islam lebih menegaskan membaca adalah merupakan cara atau wasilah untuk mendapatkan ilmu manakala barat menyatakan membaca merupakan objektif untuk mendapatkan ilmu.

2.5 Jenis-jenis Bacaan

Terdapat dua jenis bacaan yang biasanya diketahui dan digunakan oleh pembaca secara amnya (Hasan Shaha:tah: 1992). Menurutnya jenis bacaan yang pertama ialah bacaan secara nyaring (قِرَاءَةٌ جَهْرِيَّةٌ) *qira:'ah jahriyyah* dan jenis bacaan yang kedua ialah bacaan secara senyap (قِرَاءَةٌ صَامِتَةٌ) *qira:'ah sa:mitah* .

2.5.1 Bacaan Nyaring (قِرَاءَةٌ جَهْرِيَّةٌ) *qira:'ah jahriyyah*

Bacaan secara nyaring merupakan kemahiran bacaan yang mula-mula dipelajari oleh manusia pada peringkat mempelajari bahasa (Abdullah: 2007). Pada peringkat bacaan ini, pembaca perlu memperluaskan diri dengan pengetahuan mengenali bentuk-bentuk simbol penulisan, mengetahui makna-makna perkataan serta tahu menyebutnya dengan betul secara nyaring. Semasa membaca secara nyaring pembaca perlulah berhati-hati dari sudut sebutan huruf serta dapat menyesuaikan diri dengan intonasi serta uslub sesuatu ayat. Dikatakan jenis bacaan ini lebih sukar dari bacaan secara senyap.

Semasa mempelajari bahasa Arab, bacaan secara nyaring ini merupakan sebaik-baik cara untuk pelajar-pelajar memperbaiki sebutan dan mempamerkan gaya persembahan yang baik mengikut kesesuaian makna. Penekanan seperti ini bersesuaian dengan tahap rendah peringkat pembelajaran. Namun demikian ianya tidak kurang pentingnya pada tahap tinggi peringkat pembelajaran yang memerlukan apresiasi diri serta ketajaman minda apabila menyebut dan mendeklamasikan puisi di samping mengetahui keindahan rima-rima puisi Arab yang puitis (Jaurdat Rika:biy: 1973: 88).

Dalam pada itu, jenis bacaan ini memerlukan masa yang agak panjang dari sudut pelaksanaannya. Pembaca memerlukan kemahiran untuk menyebut serta mengulang bacaan sehingga menepati apa yang dikehendaki, seterusnya cuba untuk memahami apa yang dibaca. Keistimewaan yang terdapat pada bentuk bacaan ini ialah pelajar akan memperolehi keyakinan diri apabila berhadapan di khalayak ramai, sementara guru akan dapat mengesan mana-mana sebutan pelajar yang perlu diperbaiki dan diperbetulkan.

Kesimpulannya, bacaan secara nyaring dapat membantu guru menilai ketelitian dan kelancaran pelajar semasa membaca di samping menimbulkan keseronokkan kepada pelajar yang dapat menggunakan pancainderanya dengan baik dan dalam masa yang sama dapat menambahkan perbendaharaan kata serta memahami teks yang dibaca.

2.5.2 Bacaan Senyap (قراءة صامتة) qira:’ah sa:mitah

Bacaan secara senyap pula merupakan proses bacaan menerusi pemikiran yang tidak mengeluarkan bunyi atau suara. Pembaca perlu merungkai lambang-lambang dan

simbol-simbol penulisan seterusnya cuba memahami maknanya dalam minda tanpa mengeluarkan bunyi atau suara (Jaurdat Rika:biy: 1973: 88).

Abdullah Ali Mustapha (2007: 107) telah membahagikan bacaan secara senyap ini kepada dua bahagian iaitu: bacaan secara cepat (قِرَاءَةٌ خَاطِفَةٌ) *qira:’ah kha:tifah* dan bacaan secara teliti (قِرَاءَةٌ فَاحِصَةٌ) *qira:’ah fa:hisah*.

2.5.2.1 Bacaan Cepat (قِرَاءَةٌ خَاطِفَةٌ) *qira:’ah kha:tifah*

Bacaan cepat yang dimaksudkan ialah bacaan yang bertujuan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan serta keseronokkan ketika membaca. Pembaca tidak perlu membaca seluruh perkataan yang tertulis malah berperanan memantau secara sepintas lalu bahan bacaan yang ada di hadapannya dan dalam masa yang sama pembaca memiliki kemampuan memahami apa yang dipantau.

Apa yang jelas tentang sifat bacaan ini ialah kecepatan dan tahap pemahaman yang tinggi yang perlu dimiliki oleh pembaca. Ciri-ciri ini penting bagi pembaca sesuai dengan zaman sekarang yang memerlukan kecepatan dan kemahiran yang tinggi.

Bacaan secara cepat bukanlah kemahiran yang sukar untuk dipelajari. Pembaca memerlukan sebanyak mungkin latihan bagi membiasakannya. Pembaca perlu meluaskan jangkauan penglihatannya sekali imbas kepada lima hingga enam baris bacaan daripada penumpuan biasa. Antara lain, pembaca boleh menggunakan kaedah zig-zag sehingga akhir muka surat. Apa yang dimaksudkan dengan kaedah zig-zag ini ialah; perpindahan bacaan pembaca dari perenggan ke perenggan yang lain atau dari

langkahuan yang berbeza dalam bentuk *z* yang besar. Banyak lagi kaedah bacaan cepat yang dapat dipelajari tanpa meminggirkan pemahaman terhadap apa yang dibaca.

2.5.2.2 Bacaan Teliti (قِرَاءَةٌ فَاحِصَةٌ) *qira:'ah fa:hisah*

Bacaan teliti merupakan bacaan yang digunakan semasa proses pembelajaran. Ianya digunakan untuk menghayati dan memahami apa yang terdapat di dalam teks yang dibaca. Pembaca mengambil kira isi-isi penting dan sampingan serta tujuan penulis menulis sesuatu teks atau buku. Ketelitian pembaca pada peringkat ini menjadikannya seorang pembaca yang berkesan.

Pengkaji akan menjelaskan secara terperinci langkah-langkah seseorang pembaca itu dapat membaca secara teliti sesebuah buku, teks dan penerangan mengenai teknik-teknik bacaan secara teliti.

2.5.2.2.1 Langkah-langkah Bersama Buku

Kajian terkini mengenai membaca menegaskan pentingnya mengetahui cara sesebuah buku itu disusun dan faktor-faktor yang bersangkutan dengannya bagi memudahkan kemampuan memahami apa yang dibaca oleh pembaca. Antaranya ialah;

a) Isi Kandungan

Perkara pertama yang perlu dilakukan ialah mengkaji isi kandungan sesebuah buku. Dengan ini, pembaca akan mendapat gambaran umum bagi sesebuah buku serta

membantunya mencari tajuk-tajuk yang hendak dibaca dengan mudah. Pembaca akan cuba menjawab soalan-soalan berikut semasa membaca isi kandungan ini;

- i- Apakah bahagian utama di dalam buku?
- ii- Apakah gaya penyusunan yang digunakan penulis?
- iii- Apakah alat bantuan yang digunakan penulis?
- iv- Setakat manakah panjangnya bagi bab contoh dalam buku?
- v- Apakah cara-cara lain penyusunan dalam dalam setiap bab?
- vi- Adakah mustahak membaca bab secara teratur?

b) Membaca Pendahuluan

Pendahuluan bagi sesebuah buku biasanya ditulis sendiri oleh penulis merangkumi maklumat-maklumat yang ada di dalam buku secara umum. Maklumat-maklumat ini biasanya termasuklah kepada siapakah buku ini ditulis, tajuk-tajuk yang dipilih, teori-teori yang digunakan penulis, perubahan dan tambahan dari keluaran sebelumnya serta panduan penulis kepada pembaca dan ucapan terima kasih penulis kepada mereka yang membantunya menerbitkan buku.

c) Meneliti Bab

Pembaca mestilah memilih bab yang hendak dibaca. Seterusnya meneliti dengan cepat kandungan bab tersebut serta memerhatikan isi-isi yang terkandung, topik dan subtopik yang diketengahkan beserta kesimpulan atau rumusan di akhir bab.

d) Membaca Lampiran

Kebiasaannya lampiran terdiri daripada bibliografi, senarai istilah serta rujukan buku-buku yang digunakan oleh penulis. Pembaca akan mendapat faedah yang banyak ketika membaca bahagian lampiran ini.

2.5.2.2.2 Langkah-langkah Bersama Teks

Menurut Abdullah Ali Mustapha (2007: 115), langkah-langkah permulaan yang bersistem dapat mambantu memendekkan masa pelajar ketika membaca sesebuah teks. Akan tetapi ramai di kalangan pembaca terutamanya pelajar mengadu tentang tahap kelupaan yang tinggi daripada apa yang mereka baca dan fahami pada hari berikutnya.

Bagi mengatasi masalah ini, pada tahun 1941 seorang ahli psikologi, Francis P. Robinson telah memperkenalkan satu teknik membaca yang dinamakan SQ3R. Sistem ini telah diuji dan sangat berkesan. Ianya berasaskan prinsip-prinsip yang terdapat dalam teori pembelajaran (Kamaruddin: 1998). Lynn Quitman (1978) menyatakan:

“ Bacaan serius anda akan bertambah baik jika anda menggunakan rumusan SQ3R”.

SQ3R ialah akronim bagi *survey* (tinjauan), *question* (soalan), *read* (membaca), *review* (meninjau semula) dan *recite* (menyatakan kembali). Sebelum seseorang menggunakan sistem ini, perlulah difahami secara mendalam setiap peringkat agar teknik ini dapat digunakan dengan berkesan terutamanya ketika membaca dan memahami teks Arab.

1) Tinjauan Awal (التقراء نظرة شاملة) 'ilqa:' nazratun sha:milah

Pada peringkat ini, pelajar memeriksa teks yang dipilih secara keseluruhan. Langkah-langkah yang perlu diikuti pada peringkat ini ialah:

- i- Membaca Pendahuluan, Kata Pengantar dan Sinopsis.
Dalam bahagian ini, pelajar dapat mengetahui tujuan pengarang menulis, topik-topik yang diliputinya, peringkat kesukaran teks dan pengetahuan atau pengalaman yang diperlukan untuk meningkatkan kefahaman.
- ii- Susunan Jadual, Ilustrasi, Gambarajah dan Petunjuk.
Aspek-aspek ini perlu diteliti kerana ia memberikan gambaran yang lebih jelas yang boleh membantu pelajar memahami teks.
- iii- Membaca Indeks.
Pelajar membaca indeks untuk mengenal pasti istilah-istilah yang sukar.
- iv- Menyemak Glosari, Apendiks.
Bahagian ini boleh memberi arah kepada pelajar terus merujuk bab-bab yang diperlukan.
- v- Memilih halaman.
Pelajar membaca beberapa halaman pada bab pertama, bahagian tengah dan bahagian akhir teks untuk melihat struktur ayat sama ada mudah atau terlalu abstrak.

Jika pelajar ingin membuat tinjauan awal dalam bab-bab khusus, cara yang berikut harus diikuti;

- i- Melihat judul- perhatikan organisasi bab.
- ii- Baca panduan sepintas lalu- lihat susunan isi, garis kasar teks atau rumusan dan sikap pengarang.

- iii- Lihat tajuk kecil- lihat perkataan, rangkai kata atau frasa yang berhuruf tebal atau berhuruf condong.
- iv- Lihat ilustrasi dan carta sepintas lalu- lihat bagaimana bahan-bahan ini dapat membantu meningkatkan kefahaman.
- v- Lihat perbincangan, saranan dan rumusan pada akhir bab.

2) Soalan (الأسئلة) *al-'as'ilah*

Langkah kedua dalam teknik SQ3R adalah membina soalan-soalan daripada tinjauan yang dibuat dalam langkah pertama. Dalam kebanyakan teks, membina soalan bukanlah proses yang sukar kerana kadang kala pada akhir bab terdapat soalan-soalan yang telah disediakan.

Jika tiada sebarang soalan yang disediakan, semua tulisan atau ayat yang dicetak dalam huruf tebal diubah menjadi pertanyaan. Pertanyaan boleh dibina dengan menggunakan prinsip 5W iaitu; (what (ماذا) *ma:dha:* , when (متى) *mata:* , why (لماذا) *lima:dha:*, who (من) *man* dan how (كيف) *kaifa*. Dengan pertanyaan ini, pembaca teks akan tertumpu kepada mencari jawapan bagi soalan-soalan yang dibina.

3) Membaca (القراءة) *al-qira:'ah*

Pada peringkat inilah, pelajar membaca dengan teliti dari satu perenggan ke satu perenggan. Untuk melakukan tugas pada peringkat ini, pilihlah hari yang paling kodusif, contohnya pada waktu pagi atau pada waktu larut malam. Gunakan masa yang sesuai pada peringkat yang optimum.

Apabila membaca, pastikan kita menanda idea utama (الأفكارُ الرَّئِيسَةُ) *al-afka:ru ar-ra'i:sah* dan idea sokongan (الأفكارُ التَّنَوِيَّةُ) *al-afka:ru as-tha:nawiyyah* dalam setiap perenggan. Gunakan tanda-tanda yang berlainan untuk membezakan idea utama dengan idea-idea yang lain. Kenal pasti frasa atau ayat-ayat yang tidak difahami. Baca berulang-ulang (التكرارُ) *at-tikra:ru* sehingga dapat difahami maksudnya. Akhir sekali, ingat kembali soalan-soalan anda dan pastikan soalan-soalan itu sudah terjawab.

4) Menyatakan kembali (التسميعُ وَإِعَادَةُ الرَّوَايَةِ) *at-tasmi:' wa'i'a:datu ar-riwa:yat*

Dalam langkah ini, pelajar dikehendaki mengeluarkan semula apa yang dibaca. Pada permulaan prosedur ini, tutup teks selama 10 minit. Tuliskan dengan perkataan sendiri idea-idea utama, idea sokongan dan apa saja yang dapat diingat di atas kad nota. Jika ada yang tertinggal, boleh dirujuk semula.

Luangkan masa selama 15 minit untuk membaca dan 20 minit lagi untuk mencatat semula isi-isi penting. Kad nota ini perlu disimpan dengan teliti. Jika perlu, boleh diberi judul dan disusun secara sistematik.

Perlu diingat semasa proses 'menyatakan kembali', tidak semestinya menggunakan perkataan sahaja tetapi boleh juga dibuat dalam bentuk 'pemetaan minda', jaringan semantik dan bentuk ilustrasi lain yang boleh memudahkan lagi proses pemahaman dan ingatan. Ianya amat berkesan juga dalam konteks 'menghafaz' perkataan-perkataan dan perbendaharaan kata Arab.

5) Meninjau Semula (المراجعة) *al-mura:ja'at*

Setelah berjaya menjalani langkah-langkah sebelum ini, langkah terakhir adalah meninjau semula tetapi harus dilakukan sebagai satu proses yang sistematik dan bukan dalam keadaan panik, bercelaru dan tidak berhubung kait.

Langkah-langkah di bawah ini dapat membantu semasa melakukan tinjauan semula:

- i- Tinjau semula semua isi-isi yang telah ditandakan sama ada isi penting atau idea sokongan.
- ii- Tinjau kembali secara berhati-hati semua komentar yang telah dibuat, di sebelah isi-isi yang telah ditandakan.
- iii- Menelaah isi yang telah dicatat semula dalam langkah menyatakan kembali.
- iv- Beri masa sekurang-kurangnya seminggu untuk proses meninjau semula semua kad nota. Seperti juga membaca, proses meninjau semula merupakan satu proses yang aktif. Sekali-sekala rujuk semula kepada teks jika ada yang tidak jelas.

Kesimpulannya teknik SQ3R memerlukan latihan yang kerap sebelum seorang pembaca dapat menguasai kemahiran ini. Teknik ini amat sesuai untuk bahan-bahan bukan fiksiyen dan tulisan ilmiah. Teknik ini juga dikatakan amat sesuai untuk pelajar mengulangkaji sebagai persediaan menghadapi peperiksaan.

2.6 Tahap Kognitif Dan Pemikiran, Hubungannya Dengan Penguasaan Pemahaman Teks.

Membaca merupakan salah satu daripada empat kemahiran bahasa yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Melalui pembacaan, seseorang itu mampu menimba ilmu pengetahuan yang tidak dapat diperolehi melalui pengalaman biasa yang lain. Membaca dapat membantu memperluaskan pemikiran dan idea serta meningkatkan daya kreatif seseorang individu dalam pelbagai bidang.

2.6.1 Membaca Dari Sudut Pandangan Psikolinguistik Kognitif.

Pengetahuan psikolinguistik kognitif yang menekankan peranan otak dalam proses pembelajaran telah memberi banyak maklumat tentang pemerolehan bahasa seseorang manusia. Menurut penemuan psikolinguistik kognitif pemerolehan bahasa dan keupayaan membaca seseorang bermula sejak dilahirkan. Setelah seseorang itu dilahirkan, dia terus berusaha mempelajari dunia ini melalui pancainderanya. Dengan kata lain, berbahasa dan membaca tidak mungkin berlaku tanpa pengetahuan dunia ini.

Membaca menurut fahaman psikolinguistik kognitif melibatkan banyak faktor, umpamanya faktor lambang bertulis, penglihatan, ingatan jangka pendek, bahasa dan tatabahasa, erti, pengetahuan dunia dan lain-lain. Jelaslah menurut mereka pembaca harus dapat memberikan makna daripada teks dengan pertolongan yang minimum daripada tanda saran yang didapati daripada lambang-lambang bertulis dalam teks tanpa membunyikan satu persatu (Kamaruddin: 1998).

2.6.2 Penguasaan Dan Pemahaman Membaca.

Memahamkan teks yang bertulis bermakna memetik maklumat yang diperlukan secepat yang mungkin. Seseorang pembaca yang mahir akan menolak maklumat yang tidak berkaitan dengan cepat dan hanya menumpukan perhatian kepada yang dikehendaki sahaja. Bagi mereka, memahamkan isi dan intipati teks sahaja tidak memadai, tetapi usaha harus diberi secara lebih terperinci terhadap pemahaman.

Kebergantungan pembaca terhadap maklumat dalam teks yang dibaca tidak memadai untuk memahami secara lebih mendalam. Pembaca semestinya menggabungkan struktur-struktur pengetahuan latar atau pengetahuan sedia ada dengan maklumat dalam teks. Integrasi dua maklumat ini penting bagi menjadikan proses membaca itu pada tahap yang lebih tinggi. Ini dijelaskan oleh Tinker dan McCullough (1975) yang menyatakan bahawa kefahaman yang sebenarnya ialah apabila pembaca dapat membuat interpretasi dengan bersandar kepada pengalaman latarnya sendiri (Safiah: 1990).

2.6.2.1 Tahap-tahap Kefahaman Bacaan.

Ramai di kalangan penyelidik yang cenderung bagi mengkategorikan dua sahaja tahap kefahaman bacaan. Tahap pertama disebut sebagai pembacaan tahap literal; iaitu pembacaan untuk mendapatkan maklumat. Tahap kedua disebut sebagai pembacaan tahap tinggi; iaitu membaca sambil merumus, membuat kesimpulan dan menilai.

Dalam pada itu, Barrett (1967) menyatakan sekurang-kurangnya terdapat empat tahap kefahaman bacaan. Keempat-empat tahap itu tidak boleh dilihat secara terasing kerana

sering ada pertindihan antara satu tahap dengan yang lain. Tahap-tahap kefahaman itu ialah:

a) Tahap Kefahaman Literal.

Pembaca dalam tahap ini hanya boleh memproses idea-idea atau maklumat yang dinyatakan oleh penulis tanpa memahami apa yang tersirat. Kefahaman peringkat ini dikatakan kefahaman peringkat rendah kerana memerlukan kebolehan kognitif peringkat rendah. Ianya penting kerana tanpanya pembaca tidak dapat melangkaui kepada kefahaman peringkat paling tinggi. Seseorang pembaca pada tahap literal ini didapati lebih menggunakan unsur sintaksis daripada unsur semantik.

b) Tahap Kefahaman Inferensi.

Pada tahap ini pembaca berkemampuan memahami lebih daripada apa yang dinyatakan secara eksplisit serta dapat membuat inferensi tentang idea-idea penting, detail-detail tentang perbandingan, sebab, kesan dan sebagainya. Dalam erti kata yang lain, kebolehan membuat inferensi memerlukan pembaca menghuraikan sendiri apa yang dibaca. Kadangkala pembaca perlu meringkaskan apa yang dibaca supaya berjaya mendapatkan satu kesatuan makna. Yang paling penting ialah keupayaan pembaca mengintegrasikan idea-idea yang sudah ada padanya dengan idea-idea yang terkandung dalam teks. Lebih banyak pengetahuan latar yang ada padanya, lebih upaya membuat inferensi dan lebih lengkap gambaran yang diperolehi.

Dalam pada itu, Goetz (1977) telah menegaskan pentingnya kebolehan membuat inferensi dalam kefahaman teks. Namun demikian, ramai pembaca tidak dapat membuat

semua inferensi kerana beberapa faktor kekurangan teks seperti kejelasan butir-butir yang disampaikan dan sebagainya.

c) Tahap Kefahaman Penilaian.

Membaca pada tahap ini bermakna pembaca boleh menilai dan berdaya membuat kritikan. Ini bermakna seseorang itu dikatakan pembaca yang kritis sekiranya dia boleh menilai kekuatan dan kelemahan bahan yang dibaca itu sama ada dari sudut isi ataupun gaya penyampaian penulis. Perlu dinyatakan di sini bahawa bacaan kritis memerlukan pembaca menilai apa yang dibaca serta berupaya pula membanding-bandingkan gambaran yang diperolehi berdasarkan maklumat dalam teks dengan gambaran yang sememangnya sudah ada hasil daripada pengetahuan latar. Adakalanya wujud penyesuaian antara kedua-dua gambaran itu dan adakalanya tidak ada penyesuaian. Jelasnya, seorang pembaca yang kritis dapat menilai kesesuaian dan kebernasan idea serta kecemerlangan pemikiran yang diutarakan oleh penulis.

d) Tahap Kefahaman Appresiasi.

Kefahaman peringkat ini memerlukan pembaca merasakan sesuatu tentang apa yang dibaca. Apa yang dimaksudkan ialah adanya penglibatan emosi pembaca terhadap bahan bacaan itu. Membaca pada tahap ini bukanlah untuk mengumpul maklumat tetapi untuk menghayati dan mengalami sesuatu. Memahami bahasa figuratif penting dalam pembacaan tahap apresiasi. Bahasa figuratif ini pula terkandung dalam simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, sajak dan sebagainya. Pembaca yang terlalu mencari makna literal bagi tiap-tiap perkataan atau ungkapan sukar untuk memahami makna khusus yang dibawa oleh penulis.

2.7 Kajian Pengkaji Arab Berkaitan Tahap Penguasaan Membaca Teks Arab.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa kajian-kajian yang berkaitan tahap penguasaan membaca teks Arab di peringkat global melibatkan pengkaji-pengkaji dari dunia Arab. Mereka lebih cenderung kepada perbincangan mengenai tahap penguasaan membaca di kalangan penutur bahasa Arab itu sendiri.

Rusydi Ahmad Tu'aymah (2006: 50) telah membahagikan tahap penguasaan membaca teks Arab kepada tiga tahap yang penting iaitu; tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi. Kategori tahap rendah lebih kepada penguasaan pembaca dalam mengenali cara membaca teks Arab, bentuk-bentuk huruf, bunyi dan sebagainya. Manakala kategori tahap sederhana lebih kepada kefahaman, analisis, respon dan ketrampilan tatabahasa. Di samping itu, kategori tahap tinggi melibatkan kefahaman apresiasi yang tinggi dan mencapai tahap penghayatan yang mantap.

Hasil dari pembahagian inilah penulis telah menggunakannya sebagai pencetus dalam mengkaji tahap penguasaan membaca teks Arab di kalangan responden di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam dengan menggunakan soal selidik dan ujian kefahaman yang diedarkan.

Dalam pada itu pula, Abdullah 'Ali Mustapha (2007: 129-136) telah menjelaskan bahawa penguasaan dan kefahaman membaca adalah bergantung kepada teknik dan cara pembaca menggunakan mata serta minda dalam memahami satu-satu uslub atau makna. Beliau menjelaskan bahawa terdapat langkah-langkah yang baik untuk memahami sesebuah teks. Antara langkah yang dicadangkan ialah bacaan secara sepintas lalu untuk

mengetahui idea asas, bacaan secara teliti untuk lebih memahami maklumat yang telah didapati, memilih perenggan yang penting untuk diteliti dan difahami bermula dari umum kepada yang khusus dan seterusnya pembaca mestilah mengaitkan maklumat baru yang diperolehi dengan pengalaman yang sedia ada.

Muhammad Habibullah (1997: 134) menyatakan bahawa bagi seseorang itu memahami sesuatu teks yang dibaca seharusnya memiliki kemahiran memahami yang mana dapat membantu pembaca memahami bahan yang bertulis bagi merealisasikan objektif tertentu. Menurutnya kemahiran memahami ini terdiri daripada tiga tahap iaitu; pertama; tahap memahami huruf (قِرَاءَةٌ سُطُورٌ) *qira:’ah as-sutu:r* , kedua; tahap pentafsiran (الْقِرَاءَةُ مَا بَيْنَ السُّطُورِ) *al-qira:’ah ma: baina as-sutu:r* manakala yang ketiga tahap terapan (الْقِرَاءَةُ مَا وَرَاءَ السُّطُورِ) *al-qira:’ah ma: wara: as-sutu:r*.

Kesimpulannya, walaupun terdapat pelbagai kajian serta pandangan yang membahaskan tentang pentingnya penguasaan membaca teks terutamanya dalam bahasa Arab, akan tetapi semuanya tidak akan berjaya tanpa usaha yang bersungguh-sungguh daripada pengajar dan pelajar serta pelbagai pihak yang ingin memartabatkan bahasa Arab di persada dunia.

2.8 Latar Belakang BPG dan IPGM

Sebelum diterangkan tentang responden, pengkaji merasakan adalah lebih baik dijelaskan secara ringkas tentang Bahagian Pendidikan Guru (BPG) Kementerian Pelajaran Malaysia. BPG bertanggung jawab memantau 27 Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) di seluruh negara.

Bahagian Pendidikan Guru (BPG) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bertanggungjawab mengendalikan program pendidikan perguruan Praperkhidmatan dan Dalam Perkhidmatan. Program Pendidikan Guru berhasrat memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru untuk melahirkan guru yang profesional, berketrampilan, berdaya tahan, berakhlak mulia, mengamalkan nilai-nilai murni, berdaya fikir dan cekap teknologi.

Visi BPG adalah untuk mewujudkan sistem pendidikan guru bertaraf dunia dari segi kualiti yang dapat memenuhi aspirasi Negara Malaysia.

Misi BPG adalah untuk melaksanakan sistem pendidikan guru bertaraf dunia dan memastikan guru-guru sentiasa kompeten bagi memenuhi aspirasi KPM. (Laporan Tahunan 2006 KPM : 21)

Tanggal 6 Mei 2006 KPM menempa sejarah dengan berlangsungnya Majlis Pengisytiharan Institut Pendidikan Guru (IPG) oleh Y.A.B. Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, di Institut Perguruan Tun Abdul Razak (IPTAR), Kota Samarahan, Sarawak.

Antara Kursus Praperkhidmatan yang ditawarkan di seluruh IPG ialah;

- i- Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) mod sepenuh masa selama setahun.
- ii- KPLI j-QAF mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) selama 18 bulan.
- iii- Program Ijazah Lepas SPM.

Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Sekolah Rendah selama 1½ tahun Kursus Persediaan dan 4 tahun Ijazah Pertama (PISMP). (Laporan Tahunan 2006 KPM : 21)

Dalam Teras 5 Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006- 2010, dasar KPM adalah untuk "memartabatkan profesion keguruan" dengan meningkatkan kualiti guru. Matlamat KPM adalah untuk memperkasakan profesion keguruan sesuai dengan amanah yang dipikul oleh guru dalam pembinaan generasi masa hadapan negara.

Bagi mencapai matlamat dan dasar tersebut, fokus memartabatkan profesion keguruan adalah:

- menambah baik sistem pemilihan calon guru;
- memantapkan latihan perguruan;
- memantapkan kerjaya guru;
- menambahbaik persekitaran kerja dan kebajikan guru; dan
- memantapkan perancangan dan pengurusan sumber manusia.

KPM berhasrat bukan sahaja melahirkan guru yang berkualiti, memastikan mereka yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara sepanjang tempoh perkhidmatan. Syarat-syarat pengambilan guru calon guru terus diperketatkan bagi memastikan KPM mendapat hanya calon guru yang berkualiti bagi profesion ini. Semua maktab perguruan dinaik taraf kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) pada 2006 dan pelbagai latihan Praperkhidmatan dan Dalam Perkhidmatan telah diperluaskan. Usaha untuk melahir dan melestari guru berkualiti dalam profesion keguruan ini akan terus dimantapkan. (Laporan Tahunan 2007 KPM: 28)

Adalah lebih baik disenaraikan Kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan-Institut Pendidikan Guru Malaysia PISMP (IPGM) kerana ia lebih relevan dengan responden kajian. Pelaksanaan Kurikulum PISMP (IPGM) melibatkan 16 Program

Major dan 27 IPG. Pada 2007, Induksi Kurikulum PISMP-IPGM dijalankan untuk kursus-kursus Semester Satu, Dua dan Tiga. Ini meliputi 92 kursus bagi 16 bidang Major, enam kursus Wajib, empat kursus Bidang Pengajian Profesional, sembilan kursus Elektif, tiga bidang Kokurikulum dan tiga Peringkat Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS). (Laporan Tahunan 2007 KPM: 29)

Jadual 2.1 berikut adalah senarai 16 Program Major PISMP-IPGM;

JADUAL 2.1 Senarai 16 Program Major PISMP-IPGM

Bil.	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian
1.	Bahasa Melayu Pendidikan Rendah
2.	Bahasa Cina Pendidikan Rendah
3.	Bahasa Tamil Pendidikan Rendah
4.	Bahasa Arab Pendidikan Rendah
5.	Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
6.	Sains Pendidikan Rendah
7.	Matematik Pendidikan Rendah
8.	Pengajian Sosial Pendidikan Rendah
9.	Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah
10.	Reka Bentuk dan Teknologi Pendidikan Rendah
11.	Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah
12.	Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah
13.	Pendidikan Prasekolah
14.	Pendidikan Khas – Masalah Pembelajaran Pendidikan Rendah
15.	Pendidikan Khas – Masalah Pendengaran Pendidikan Rendah
16.	Pendidikan Khas – Masalah Penglihatan Pendidikan Rendah

Bagi memantapkan lagi program pengajian untuk pelajar, BPG telah melakukan semakan semula Kurikulum Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP)

Semakan Semula Kurikulum PPISMP telah dijalankan pada bulan Mei-Jun 2007. 15 bidang Akademik telah disemak semula dan 28 sukatan pelajaran telah digubal dan dimurnikan. Setiap bidang akademik diperuntukkan 26 kredit. 27 IPG terlibat dalam penyediaan skema kerja untuk dilaksanakan. (Laporan Tahunan 2007 KPM: 31)

Jadual 2.2 merupakan senarai 15 Bidang Akademik PPISMP;

JADUAL 2.2 Senarai 15 Bidang Akademik PPISMP

Bil.	Senarai 15 Bidang Akademik PPISMP
1.	Bahasa Melayu
2.	Bahasa Cina
3.	Bahasa Tamil
4.	Bahasa Arab
5.	Bahasa Inggeris
6.	Pendidikan Islam
7.	Matematik
8.	Sains
9.	Reka Bentuk & Teknologi
10.	Pengajian Sosial
11.	Pendidikan Seni Visual
12.	Pendidikan Muzik
13.	Pendidikan Jasmani

Jadual 2.2, sambungan

14.	Pendidikan Prasekolah
15.	Pendidikan Khas

Setelah mengetahui tentang program serta kurikulum di IPG, secara umumnya responden bagi kajian ini merupakan pelajar lepasan SPM yang menyambung pengajian di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Pendidikan Islam dalam bidang bahasa Arab dan Pendidikan Islam. Kajian ini dilakukan ke atas dua jenis program pengajian yang ditawarkan di institut ini. Kedua-dua program tersebut ialah Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Institut Perguruan Guru Malaysia (PISMP IPGM).

Pelajar yang mengikuti pengajian peringkat PPISMP merupakan pelajar peringkat persediaan. Mereka akan mengikuti persediaan selama 3 semester di institut ini. Setelah berjaya menamatkan pengajian pada peringkat ini, mereka akan meneruskan pengajian ke peringkat PISMP IPGM (Laporan Tahunan 2006 KPM : 21).

Sementara itu, para pelajar yang mengikuti program PISMP (IPGM) merupakan pelajar yang telah lulus peringkat persediaan; iaitu (PPISMP). Mereka akan meneruskan pengajian selama 8 semester di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Pendidikan Islam sebelum berjaya mendapat anugerah Ijazah Sarjana Muda Perguruan. (Laporan Tahunan 2006 KPM : 21).

Kebiasaannya jumlah pengambilan pelajar bagi kedua-dua peringkat pengajian ini adalah berbeza-beza mengikut tahun. Menurut data enrolmen bagi tahun 2009 yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) institut ini, jumlah pelajar PPISMP

ialah 126 orang manakala pelajar PISMP (IPGM) seramai 224 orang. Jumlah keseluruhan bagi kedua-dua program pengajian ini seramai 370 orang. Pengambilan ini melibatkan semua bidang pengajian. Walau bagaimana pun, semasa kajian ini dijalankan, jumlah pelajar yang terlibat sebagai responden berjumlah 135 orang pelajar. Mereka terdiri daripada pelajar semester dua dan tiga. Mereka ini menjadi sampel kepada keseluruhan populasi bagi kedua-dua program ini.

2.9 Kesimpulan

Kesimpulan daripada perbincangan bab ini ialah;

1. Diketengahkan definisi yang tepat tentang membaca dan penguasaan.
2. Pandangan ulama Islam serta teori barat mengenai membaca dan prosesnya.
3. Dijelaskan jenis-jenis bacaan secara terperinci serta perbincangan tahap kognitif dan pemikiran; perkaitanya dengan penguasaan pemahaman teks. Sekali gus membincangkan tahap pemikiran dan penguasaan yang menjadi aspek kajian ini.
4. Sedikit pandangan pengkaji Arab tentang tahap penguasaan membaca teks Arab.
5. Diakhiri perbincangan bab ini dengan memaparkan latar belakang BPG , IPGM program major yang ditawarkan serta bidang akademik PPISMP yang melibatkan bahasa Arab.